

**Presiden Tajikistan Emimali Rahmon Tiba di Malaysia Untuk Lawatan Negara
Bernama
Jun 22, 2014**

SEPANG, 22 Jun (Bernama) -- Presiden Republik Tajikistan Emomali Sharipovich Rahmon tiba di sini hari ini untuk melakukan lawatan negara empat hari ke Malaysia atas jemputan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah.

Diiringi isteri, Azizamoh Rahmon, beliau disambut Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Joseph Entulu Belaun dan Timbalan Menteri Luar Datuk Hamzah Zainuddin, sebaik tiba di Kompleks Bunga Raya, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di sini pada 7.15 malam.

Delegasi Tajikistan turut disertai Menteri Luar Aslov Sirodjidin, Menteri Pembangunan Ekonomi dan Perdagangan Rahimzoda Sharif, Menteri Pendidikan dan Sains Said Nuriddin, pegawai kanan kerajaan dan ahli perniagaan.

Ini merupakan lawatan negara pertama Rahmon ke Malaysia sejak terjalannya hubungan diplomatik antara Tajikistan dan Malaysia pada 1992.

Menurut kenyataan Wisma Putra hari ini, majlis sambutan rasmi untuk Rahmon akan diadakan di Dataran Parlimen, Kuala Lumpur esok.

Beliau kemudian dijadual mengadakan pertemuan empat mata dengan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak diikuti mesyuarat delegasi di Seri Perdana.

Sidang akhbar bersama akan diadakan sebaik selesai mesyuarat berkenaan.

Najib dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor akan meraikan Emomali Rahmon dan Azizamoh Rahmon dalam majlis jamuan tengah hari di Seri Perdana di Putrajaya.

Kedua-dua pemimpin itu akan menyaksikan majlis menandatangani beberapa memorandum persefahaman serta perjanjian antara kerajaan Malaysia dan Republik Tajikistan.

Menurut Wisma Putra lawatan itu akan memberi peluang kepada kedua-dua pemimpin untuk membincangkan isu-isu dua hala dan bertukar pandangan mengenai isu serantau dan antarabangsa yang berkepentingan buat kedua-dua negara.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1048375>